

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (PERUMAHAN)

TARIKH: 24 MAC 2018

MUKA SURAT: 22

EKSPLO JUALAN PERUMAHAN - 'KE ARAH SEJUTA IMPIAN'

2 unit rumah menanti pengunjung bertuah

➔ Program anjuran PR1MA
tawar lebih 600,000 kediaman

Oleh Siti Salmiah A
Hamid dan Mohd
Fharkhan Abdul Ghapar
cnews@nstp.com

► Kuala Lumpur

Pengunjung bertuah berpeluang memenangi hadiah utama, dua unit rumah tajaan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) apabila mengunjungi Ekspo Jualan Perumahan - 'Ke Arah Sejuta Impian' yang berlangsung hari ini hingga 1 April depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Unit pangsupuri berkenaan, masing-masing di Alam Damai, Cheras dan Kajang bernilai RM240,000 dan RM288,000 dengan keluasan 660 kaki persegi dan 1,048 kaki persegi.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias, berkata lebih daripada 600,000 rumah daripada pelbagai agensi kerajaan bakal ditawarkan kepada orang ramai yang mencari rumah idaman.

"Daripada jumlah itu, lebih 267,640 unit PR1MA dipamerkan, yang mana 60 peratus daripadanya berharga kurang RM300,000.

"Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menawarkan 50,030 unit kediaman; Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) (51,173 unit); Perumahan Perjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) (141,774 unit) dan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) (99,974 unit)," katanya di sini, semalam.

Ekspo terbesar di Malaysia

Katanya, ekspo berkenaan berfungsi sebagai pusat sehenti terutama bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan berpendapatan sederhana (M40)

yang masih belum memiliki kediaman sendiri.

"Ekspo yang terbesar di negara ini adalah bukti kesungguhan kerajaan melalui agensinya untuk menggalakkan pemilihan rumah bagi rakyat daripada pelbagai kumpulan pendapatan.

"Pelbagai agensi kewangan turut menyertai ekspo ini termasuklah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan wakil bank untuk membantu pengunjung memahami tahap kemampuan dan kelayakan bagi mendapatkan pinja-

man bank," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi PR1MA, Datuk Amiruddin Abdul Manaf dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perumahan Negara, Hafizizam Hashim.

Selain itu, pengunjung bertuah turut berpeluang memenangi kereta PERODUA Myvi, motosikal, kelengkapan rumah dan baucar percutian sepanjang ekspo ini berlangsung.

Cabutan bertuah harian diadakan sebanyak tiga kali setiap hari, manakala cabutan bagi hadiah utama pada setiap Sabtu dan Ahad iaitu 24, 25, 31 Mac dan 1 April.



Abdul Mutalib (tiga dari kanan); Amiruddin (tiga dari kiri); Hafizizam (dua dari kiri); Ketua Pegawai Perancangan Strategik Kumpulan SPNB, Wan Mastura Azlina Mohd; Ketua Pegawai Pemasaran Perbadanan PR1MA, Mohamed Roslan Ismail dan Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Ekonomi dan Penswastaan RUMAWIP, Mohd Mahyuddin Yahya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.